

TARIKH : 9 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 23
SURAT

Sektor pembinaan dijangka rancak dalam RMK13

BH Rabu, 9 Julai 2025

Sektor pembinaan dijangka rancak dalam RMK13

Kerajaan diunjur peruntukkan perbelanjaan pembangunan pecah RM428b

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Sektor pembinaan negara dijangka berkembang rancak dengan pelbagai projek baharu bakal dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang akan dibentangkan pada 31 Julai ini.

Kerajaan diunjur memperuntukkan perbelanjaan pembangunan (DE) mencecah RM428 bilion untuk tempoh RMK13 (2026-2030), bersamaan purata RM85.6 bilion setahun, bagi merencanakan pelaksanaan projek prasarana utama di seluruh negara.

Penganalisis RHB Investment Bank, Adam Mohamed Rahim, berkata langkah itu akan dipacu oleh Pelan Induk Kerjasama Awam Swasta 2030 (PIKAS 2030) yang mengimbangi keperluan fiskal kerajaan dengan pembangunan prasarana strategik.

"Antara projek penting yang dipantikan ialah Transit Aliran Masa 3 (TAM3) yang dijangka mula dibina pada 2027 selepas proses pengambilalihan tanah selesai.

"Selain itu, beberapa projek lain seperti Lebuhraya Span Ipoh Barat, Lebuhraya, Putrajaya-Bangi, Pembangunan Berasaskan Transit Ipoh Sentral dan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) turut tersenarai di bawah Teras Strategik 3 PIKAS 2030," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Cadangan projek negeri

Beliau berkata, beberapa negeri turut mengemukakan cadangan projek bagi RMK13, antaranya Perak yang berharap Lebuhraya Timur-Barat antara Gerik dan Jeli dinaik taraf.

Dalam pada itu, menurutnya Pulau Pinang menghantar senarai 128 projek pembangunan bernilai RM17 bilion, yang mana daripada jumlah itu, RM8.9 bilion diperuntukkan bagi pembinaan lebuhraya Pan Island Link 1 dan RM1 bilion untuk blok bertingkat di Hospital Ke-pala Batas.

"Di Johor, rancangan pembinaan pusat data (DC) berskala besar turut dijangka menyumbang nilai kerja pembinaan kira-kira RM30 bilion, susulan pelaksanaan Pelan Tindakan Teknologi AI 2026-2030 yang berpotensi menarik pelaburan pusat data antarabangsa ke Malaysia," katanya.

Adam menambah, data terbitan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) menunjukkan bahawa projek yang ditawarkan oleh kerajaan mencapai RM17.4 bilion pada separuh pertama 2025 berbanding RM62.7 bilion untuk 2024.

"Kami menjangkakan pewajaran subsidi RON95 yang mungkin dilaksanakan pada separuh kedua 2025 akan membolehkan kerajaan menyelaras semula kedudukan fiskal dan kemudian mula menyuntik rangsangan pada ekonomi, khususnya mulai 2026.

"Kami juga tidak menolak kemungkinan ekonomi digital diutamakan, lebih-lebih lagi selepas Pelan Tindakan Teknologi AI 2026-2030 dimuktamadkan.

"Pelan ini dapat menarik lebih banyak pelaburan DC masuk ke Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan buat syarikat pembinaan," katanya sambil menambah bahawa bank pelaburan itu menyedari akan risiko cip AI ke Malaysia berpotensi disekat.

"Johor yang merupakan kawasan sibuk untuk DC, mempunyai perancangan DC 1.5 gigawatt (GW) yang sudah sah menurut DCByte, yang mungkin membawa kepada nilai kerja pembinaan kira-kira RM30 bilion," katanya.



Adam Mohamed Rahim

